

## Tanah mendap depan rumah tambah teruk bila tengkujuh



PENDUDUK Taman Baiduri, Kampung Kubang Keranji menunjukkan mendapan tanah yang terjadi akibat hujan lebat apabila ia menjadi laluan air ke Sungai Pengkalan Datu.

**Kota Bharu:** Seramai 150 penduduk membabitkan 33 rumah di Taman Baiduri, Kampung Kubang Keranji, Pasir Tumboh di sini dilanda kebimbangan selepas jalan di depan kediaman mereka meridap sejak lima hari lalu.

Ia kali kedua berlaku akibat hujan lebat, malah jalan itu menjadi laluan air dari sawah berdekatan ke Sungai Pengkalan Datu di lokasi berkenaan.

Penduduk, Ahmad Khairi Mohammad Hasan, 44, berkata jalan itu mendapan mungkin kerana ia menjadi laluan air ke sungai dan bertambah teruk apabila musim hujan.

"Mendapan berlaku lima meter dari rumah saya. Situasi itu merisaukan kami kerana musim hujan men-

jadikannya semakin teruk. "Jika ia tidak dibaiki, kemungkinan mendapan semakin teruk," katanya.

Ahmad Khairi yang juga guru berkata mendapan kali pertama berlaku pada hujan 2018 dan ia ditambat pihak berkaitan.

Menurutnya, dia dan penduduk membuat aduan kepada pihak berkaitan termasuk Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Sementara itu, Pengarah JPS Kelantan Kamal Mustapha berkata, pihaknya membuat pemantauan di lokasi berkenaan selepas mendapat aduan.

"Kami menyediakan laporan dan permohonan peruntukan daripada ibu pejabat dan kerajaan negeri untuk membaiki jalan berkenaan," katanya.

“  
Mendapan berlaku lima meter dari rumah saya  
Ahmad Khairi